

LIPOPHARM CAPSULE[®]

Phospholipids (300mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Lipopharm
2. Bagaimana Lipopharm berfungsi
3. Sebelum menggunakan Lipopharm
4. Cara menggunakan Lipopharm
5. Semasa menggunakan Lipopharm
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Lipopharm
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Lipopharm

Lipopharm digunakan dalam rawatan pelbagai jenis gejala kegagalan hati yang akut dan kronik seperti kegagalan hati, hati berlemak, hati berparut, penyakit hati yang diakibatkan oleh toksin.

Bagaimana Lipopharm berfungsi

Hati merupakan organ utama yang mencegah bahan-bahan toksik dari badan. Lipopharm berkesan melindungi sel-sel hati daripada tercedera oleh sisa toksik. Ia juga menolong dalam pembaharuan dan pertumbuhan semula sel-sel hati yang tercedera. Selain itu, Lipopharm mewujudkan hasil "phospholipid" sedia ada untuk penyelenggaraan sel-sel di keseluruhan badan. Hati merupakan organ yang menghasilkan "phospholipid". Lipopharm mencegah hati daripada berusaha keterlaluan dengan menyediakan hasil sedia ada "phospholipid".

Sebelum menggunakan Lipopharm

- Bila tidak boleh menggunakan

- Jika mengandung
 - Sedang menyusui bayi
 - Kanak-kanak dibawah umur 12 tahun.
 - Mereka yang mengalami "antiphospholipid syndrome" (mencetuskan gumpalan darah)
 - Jikalau pernah menghadapi reaksi hipersensitif atau alahan makanan terhadap soya, kacang-kacang, atau ramuan yang terlibat dalam penghasilan Lipopharm.
- Contoh reaksi hiperpeka dan alahan ialah seperti:
- mata berair dan selsema
 - lelah
 - gatal-gatal dan bengkak yang melibatkan muka, tekak dan bibir.

- Sebelum mula menggunakan Lipopharm

Jika anda sedang dirawati dengan ubat mencegah pembekuan darah, sila maklumkannya kepada doktor terlebih dahulu sebelum bermula mengambil Lipopharm.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubatan yang didapatkan tanpa preskripsi. Anda mungkin perlu mengubah dos anda atau mengambil ubat lain. Doktor anda akan memberikan cadangan. Anda mesti maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda mengambil ubat-ubat yang berikut:

- Ubat anti-koagulan jenis *Coumarin* (ubat mencegah pembekuan darah):

- *Phenprocoumon*

- *Warfarin*

Semasa mengandung dan menyusui bayi

Penggunaan Lipopharm semasa mengandung tidak digalakkan. Ubat ini boleh menimpa kesan-kesan yang tidak sempurna semasa menyusui bayi dan mengandung kerana kandungan yang diperolehi adalah daripada kacang soya.

Cara menggunakan Lipopharm

Sentiasa ambil Lipopharm seperti mana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Jika anda kurang pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa banyak harus digunakan

Dos untuk orang dewasa dan kanak-kanak berumur lebih daripada 12 tahun adalah 2 kapsul Lipopharm, 3 kali sehari. Kapsul perlu diambil sebelum makan, tanpa mengunyah, dengan jumlah air yang mencukupi.

- Bila perlu digunakan

3 kali sehari, sebelum makan.

- Berapa lama perlu digunakan

Sila ambil ubat anda sepertimana yang diarahkan oleh doktor anda. Ubat ini berfungsi untuk mengawal keadaan anda tetapi bukan untuk menyembuhkannya. Anda harus mengambil ubat ini secara berturut walaupun anda berasa sihat, ini adalah amat penting.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos anda dengan segera apabila mengingati dan teruskan mengambil Lipopharm seperti biasa, abaikan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya pada waktu yang ditetapkan.

Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Penelanan Lipopharm secara berlebihan tidak pernah menimpa kesan-kesan yang tidak sempurna. Jikalau anda rasa sebarang kurang keselesaan atau sakit setelah mengambil dos berlebihan, anda harus pergi ke hospital dengan serta merta.

Sila pastikan anda membawa bungkusan atau baki ubat yang berlebihan ke hospital dengan anda.

Semasa menggunakan Lipopharm

- Perkara yang perlu dilakukan

- Anda harus mengambil Lipopharm seperti dinasihatkan doktor atau ahli farmasi anda
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil jenis ubat yang baru, termasuk ubat jenis tradisional atau vitamin.
- Anda harus memaklumkan kepada doktor sekiranya anda mengalami kesan-kesan sampingan selepas mengambil Lipopharm, walaupun kesannya, tidak tercatat dalam risalah ini.
- Jika hamil atau merancang untuk hamil sila maklumkannya dahulu kepada doktor atau ahli farmasi anda.
- Sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi jika anda sedang menyusui bayi atau merancang untuk memulakannya.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan hentikan ubat tanpa nasihat ahli farmasi dan doktor.
- Jangan menggunakan ubat ini jikalau terlepas tarikh luputnya.
- Jangan berikan ubat ini kepada orang lain walaupun tanda-tanda penyakitnya sama seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

- Memandu dan menggunakan mesin. Berhati-hati ketika memandu kenderaan atau mengendalikan mesin sehingga anda

LIPOPHARM CAPSULE®

Phospholipids (300mg)

mengetahui kesan Lipopharm terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubat lain, Lipopharm mempunyai kesan-kesan sampingan. Sila maklumkan kepada doktor jikalau anda mengalami kesan-kesan sampingan merisaukan seperti berikut:

Kesan-kesannya:

- Gejala usus termasuk cirit-birit.
- Gejala jarang yang mampu berlaku adalah alahan kulit seperti gatal-gatal.
- Pendarahan faraj dan bintik merah pada kulit merupakan kesan sangat jarang. Kandungan minyak soya di Lipopharm boleh menyebabkan reaksi alahan pernafasan yang serius seperti:
 - Lelah
 - Bengkak di kawasan tekak (di kawasan muka dan bibir adalah kesan-kesan alahan juga)
 - Reaksi alahan yang melibatkan pernafasan boleh membawa kemangkatan. Anda harus pergi ke unit kecemasan hospital terdekat anda dengan segera.

Glycerol mungkin akan menyebabkan sakit kepala, sakit perut dan cirit-birit.

Sila maklumkan kepada doktor walaupun anda mengalami kesan-kesan lain yang tidak tercatat di sini. Kesan-kesannya mungkin berbeza di antara individu. Adakala, kesan-kesan lain mungkin berlaku dalam kalangan pengguna produk ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety)

Cara penyimpanan dan pelupusan Lipopharm

- Penyimpanan

Simpan dibawah suhu 25°C.
Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Jangan gunakan Lipopharm sekiranya tarikh pelupusan telahpun tamat. Tarikh pelupusan tercatat pada kotak dan bungkusan aluminium. Jika anda diarahkan oleh doktor untuk berhenti mengambil Lipopharm atau

terdapat ubat berlebihan selepas tarikh luput, sila meminta nasihat daripada ahli farmasi anda tentang cara-cara mengendalikannya baki ubat tersebut.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Cecair likat yang berwarna kuning emas ataupun kuning-coklat, yang terkandung dalam kapsul lembut gelatin yang tidak berwarna, telus dan berbentuk bujur, sepanjang 11mm.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif

Sebiji kapsul gelatin mengandungi 300mg phospholipids daripada kacang soya (73-79% 3-sn-phosphatidylcholine)

- Bahan tidak aktif

All-rac-alpha tocopherol, soya bean oil refined, glycerol 85%, mono and diglycerides of fatty acids, gelatin, medium chain triglyceride.

- Bungkusan

Kapsul Lipopharm dibungkus dalam bungkusan telus PVC/PE/PCTFE dan kerajang aluminium yang keras.

- Nombor MAL

MAL10110040XCR

Pengilang

R.P. Scherer GMBH & CO KG
Gammerlsbacher Strae 2,
Germany.

Pemegang Pendaftaran Produk

IMEKS Pharma Sdn Bhd
No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,
Medan Niaga Kepong,
51200 Kuala Lumpur.

Tarikh kemaskini RiMUP

21/09/2017

Nombor Siri

NPRA(R4/1)280817/00229